



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

CUTI PERISTIWA NEGERI SELANGOR PADA 1 SEPTEMBER 2026

1. Kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan tarikh 1 September 2026 (Selasa) sebagai Cuti Peristiwa Negeri Selangor sempena kejayaan kontinjen negeri itu menjadi juara keseluruhan sempena Sukan Malaysia (SUKMA) tahun ini.
2. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang membolehkan pihak berkuasa negeri mengisytiharkan mana-mana hari sebagai hari kelepasan am bagi negeri berkenaan.
3. Hari kelepasan am ini merupakan hari kelepasan am pilihan dan tidak wajib diberikan kepada pekerja sektor swasta. Namun begitu, mana-mana majikan di Negeri Selangor yang memilih Cuti Peristiwa Negeri Selangor sebagai hari kelepasan am, syarikat hendaklah memberikan hari kelepasan am bergaji kepada pekerja pada 1 September 2026.
4. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja menggantikan cuti tersebut kepada hari lain sebagaimana peruntukan Seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955.

TAMAT

**Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Ketua Pengarah
26 Ogos 2026**